

November 24, 2024

...Bagi Dia adalah kemuliaan dan kuasa sampai selamanya. Amin.

Lihatlah, Dia datang dengan awan-awan dan setiap mata akan melihat Dia, juga mereka yang telah menikam Dia. Dan semua bangsa di bumi akan meratapi Dia. Ya, amin.

"Aku adalah Alfa dan Omega, firman Tuhan, yang ada dan yang sudah ada dan yang akan datang, yang Mahakuasa."

Wahyu 1: 6-8

www.heraldmalaysia.com

Misi penting melindungi golongan lemah



Misa Kudus dirayakan sepanjang tiga hari persidangan tentang perlindungan untuk kanak-kanak bawah umur, di Vatikan, November 13-15, 2024. Gambar Media Vatikan.

TAKHTA SUCI: Kira-kira 25 buah negara di seluruh Eropah telah berkumpul di Roma untuk mengambil bahagian dalam persidangan yang didedikasikan untuk meneruskan misi Gereja untuk melindungi golongan lemah.

Pada November 13 hingga 15, Komisi Kepausan untuk Perlindungan Anak Bawah Umur menganjurkan persidangan "Perlindungan dalam Gereja Katolik di Eropah."

Matlamatnya: untuk meneruskan kerja-kerja Rangkaian Eropah mengenai perlindungan yang bermula di Warsaw, Poland pada 2021.

Panggilan untuk menjadi pendamai dunia

Untuk memulakan persidangan tiga hari itu, Sri Paus Fransiskus menghantar surat kepada para peserta memuji kehadiran negara-negara ini, walaupun di tengah-tengah peperangan dan konflik bagi sesetengah pihak.

Beliau mengingatkan mereka tentang panggilan mereka untuk menjadi pendamai di dunia dan menjadi "saksi yang petah untuk perpaduan yang merentasi semua sempadan."

Bapa Suci menyatakan harapannya bahawa persidangan itu akan mewujudkan rangkaian "orang dan amalan baik" yang menjurus kepada perkongsian maklumat dan menyokong satu sama lain dalam usaha mereka dalam menyediakan program yang berkesan dan mampan.

Prelatus itu menggalakkan para peserta untuk mencipta inisiatif yang "memberi keserasian dan bantuan kepada mereka yang telah menderita, sebagai tanda keprihatinan Gereja terhadap keadilan, penyembuhan dan pendamaian."

Melindungi anak-anak Tuhan, misi semua Gereja
100 perwakilan yang terdiri daripada uskup, paderi, religius dan awam, termasuk mangsa yang terselamat, dari 25 negara Eropah, telah datang ke Roma untuk persidangan ini.

Persidangan itu secara rasminya dimulakan dengan pesan video daripada Kardinal Séan O'Malley, Uskup Agung Boston dan Presiden Komisi Kepausan untuk Perlindungan Anak Bawah Umur.

Kardinal itu menyatakan harapannya bahawa misi ini dapat membantu "membaiaki kerosakan yang dialami oleh kanak-kanak dan kini turut terjadi pada orang dewasa" akibat salah laku atau penderaan dalam Gereja Katolik.

Menekankan kepentingan memberi suara kepada mangsa. Kardinal O'Malley berkata "kanak-kanak dipercayakan kepada kita" dan menekankan keperluan untuk memimpin mereka dengan penuh belas kasihan, sambil turut mengikuti "proses yang sewajarnya dalam menyiasat dakwaan."

Uskup Agung Eamonn Martin, Presiden Konferensi para Uskup Katolik Ireland, menjelaskan bahawa Gereja di Ireland menawarkan dua jenis jangkauan untuk mangsa penderaan seksual iaitu bantuan sokongan psikologi dan sokongan rohani.

"Salah satu perkara yang paling menyediakan tentang penderaan seksual ialah ia dilakukan oleh orang yang sangat dekat dengan Gereja."

Misi yang berterusan

Pada September 2021, Komisi Kepausan untuk Perlindungan Anak Bawah Umur telah mengadakan persidangan perlindungan di Warsaw dengan tema, "Misi Bersama Kita: Melindungi Anak-anak Tuhan." Objektifnya adalah untuk menjemput pertukaran pengalaman dan mewujudkan rangkaian dengan wakil Gereja untuk menjadi lebih terdidik dalam melindungi golongan bawah umur. **Media Vatikan**



Gereja Katolik sedunia merayakan Hari Raya Besar Kristus Raja Semesta Alam pada November 24, 2024.

Ketakutan tentang kematian

Bberapa tahun lalu, seorang rakan saya sedang menghadapi kelahiran anak pertamanya. Walaupun gembira kerana tidak lama lagi dia menjadi seorang ibu, dia mengaku akan ketakutannya tentang proses kelahiran yang menyakitkan dan bahaya yang mungkin tidak disangka.

Tetapi dia menghiburkan dirinya dengan memikirkan bahawa jutaan wanita telah mengalami melahirkan dan melalui detik itu. Pasti, dia juga boleh mengharungnya!

Kadang-kadang saya turut menggunakan kata-kata itu dalam prospek kematian. Kematian adalah topik yang paling menakutkan, meresahkan, dan paling berat, walaupun pada luaran kita cuba untuk berani tetapi ia tetap menakutkan kita.

Apabila kita mengatakan bahawa kita tidak takut mati, kebanyakan kita sebenarnya memang gentar, lebih-lebih lagi kita tidak dapat menjangka bagaimana cara kematian kita kelak.

Terus terang, pemikiran saya sendiri tentang kematian memang “gelap” iaitu takut dan gentar.

Oleh itu, saya menggunakan metodologi rakan saya untuk menambah keberanian dan menghadapi apa yang tidak diketahui. Saya memikirkan, berjuta-juta orang akan mati dan saya pasti boleh menghadapi kematian!

Lebih-lebih lagi, tidak seperti melahirkan anak yang melibatkan hanya beberapa orang, semua orang, termasuk saya sendiri, perlu melaluiinya. Seratus tahun dari sekarang, setiap orang yang membaca artikel ini, perlu menghadapi kematiannya.

Jadi, inilah cara untuk melihat kematian kita sendiri — Berbilion orang telah melalui hal ini: lelaki, wanita, kanak-kanak, malah bayi. Ada yang tua, ada yang muda; ada yang bersedia, ada yang tidak; ada yang menyambutnya, ada yang menghadapinya dengan penuh rintangan, ada yang mati kerana sebab semula jadi.

Ada yang mati kerana keganasan; ada yang mati dikelilingi cinta, ada yang mati bersendirian tanpa ada cinta orang-orang di sekelilingnya; ada yang mati dengan aman, ada yang mati menangis dalam ketakutan.



Ada juga yang mati pada usia tua yang matang, ada yang mati dalam masa mudanya; ada yang menderita selama bertahun-tahun akibat demensia sehingga diabaikan dan ada yang mati meskipun kesihatannya baik, ada yang mati kerana mengambil nyawa mereka sendiri; ada yang mati dengan penuh iman dan harapan.

Ada yang mati dengan perasaan putus asa; ada yang mati dengan kesyukuran, dan ada yang mati dalam dendam; ada yang mati dalam pelukan agama dan Gereja mereka, ada yang mati di luar rangkuluan Gereja; dan ada yang mati seperti Ibu Teresa, manakala yang lain mati seperti Hitler.

Walau apa pun cara kematian, sama ada orang terkenal atau orang tidak dikenali — mereka semua melalui kematian.

Lebih-lebih lagi, tiada siapa yang

kembali dari dunia mati, menceritakan apa yang berlaku di alam kematian, yang menceritakan kita bahawa alam kematian itu seperti yang ditunjukkan dalam semua filem seram, yang memaparkan ada penyeksaan dahsyat selepas kematian.

Tidak seorang pun yang mati, kembali hidup semula untuk memberitahu kita bahawa alam kematian itu seperti rumah berhantu, yang menyeramkan dan banyak roh jahat.

Pada pendapat saya, kebanyakan orang mempunyai pengalaman yang sama dalam hal kematian. Terutamanya, pengalaman kehilangan seorang kita yang kenali.

Kesedihan dan kedepihan awal kematiannya akan beransur hilang. Perasaan yang tidak menentu, akhirnya akan tenang dan baik-baik sahaja. Anehnya, kematian da-

pat “membasuh” apa sahaja perkara yang kurang baik tentang si mati.

Misalnya, pemergian mereka yang jauh daripada ideal. Contohnya mereka yang mati dalam keadaan marah atau kerana tidak matang atau kerana mereka melakukan jenayah, atau dengan membunuh diri.

Secara perlahan-lahan, kematian mereka menghentikan semua yang tidak baik, mengukuhkan intuisi kita bahawa mereka yang pergi selama-lamanya, kini, berada dalam “tangan” yang lebih baik dan selamat berbanding kita.

Semasa saya masih seorang seminarian, kami pernah menterjemahkan risalah Cicero tentang penuaan dan kematian daripada bahasa Latin ke dalam bahasa Inggeris.

Saya berumur 19 tahun pada masa itu, tetapi sangat tertarik dengan pemikiran Cicero tentang mengapa kita tidak perlu takut mati.

Cicero, seorang yang tabah tetapi pada akhirnya, terselit rasa takutnya terhadap kematian. Untuk mengurangkan ketakutan itu, dia menggunakan pendekatan yang hampir sama seperti rakan saya untuk ber salin, iaitu, memandang kematian sebagai perkara umum, ia terjadi pada semua orang dan di dunia dan kita semua pasti dapat menghadapi atau melaluinya.

Saya telah lama kehilangan nota Cicero, jadi saya mencari maklumat itu di Internet baru-baru ini.

Berikut merupakan petikan dari nota Cicero, “Kematian tidak boleh difikirkan sangat! Ia boleh diabaikan kerana kita tidak tahu sama ada ia benar-benar memusnahkan jiwa, atau membawa jiwa ke suatu tempat di mana di mana jiwa kita akan hidup selama-lamanya. Maka, apa yang harus saya takuti, jika selepas kematian saya ditakdirkan untuk tidak bahagia atau bahagia?”

Iman kita menjawab perkara ini: Tidak bahagia atau bahagia selepas kematian? Sudah tentu dengan iman, bahagia menanti kita selepas kematian. Dan sifat semula jadi kita juga sudah lama mengetahuinya! **Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser**

Kerajaan Tuhan mahu menyelamatkan

Dalam Injil Yohanes pada hari Minggu ini yang singkat, Pilatus kelihatannya sangat bingung.

Ketika Yesus menjawab bahawa Dia adalah raja, Pilatus bertanya lagi, “Jadi Engku adalah raja?”

Yesus jelas menegaskan: “Kerajaan-Ku bukan dari sini!” Yesus memberi keterangan, bahawa kerajaan-Nya tidak menggunakan kekerasan maka Yesus mengulangi lagi: “Kerajaan-Ku bukan dari dunia ini”.

Jadi, kerajaan-Nya didirikan untuk apa? Kerajaan-Nya didirikan untuk mengadakan dunia yang damai, bersahabat, mewujudkan kebenaran dan keadilan, serta kesediaan untuk saling menghormati dan mengakui hak masing-masing, yang pada dasarnya adalah mengasihi Tuhan dan sesama.

Itulah kerajaan yang harus dibangun untuk mengganti keadaan dan suasana perjalanan sejarah kehidupan manusia dalam masyarakat.

Itulah sebenarnya kerajaan yang setiap hari kita senantiasa mohon dalam doa Bapa Kami: “Datanglah kerajaan-Mu”.

Dalam gambaran tentang seorang raja, yang kita lihat dalam Injil Yohanes hari ini, Pilatus sebagai seorang pembesar dunia,

bingung dan tercengang menghadapi Yesus yang menyampaikan kepadanya apa yang benar tentang peranan-Nya sebagai raja.

Yesus mengatakan apa yang benar dan Yohanes juga, pernah bersaksi di tempat lain bahawa Yesus adalah kebenaran.

Apakah yang terjadi di dalam hati Pilatus, tentang pandangan peribadinya terhadap Yesus sebagai raja?

Apakah hati kita sudah terbuka berhadapan dengan kebenaran-kebenaran yang disampaikan kepada kita?

Apakah hati kita juga seperti Pilatus, berasa takut untuk berhadapan dan bertemu dengan Yesus, yang selalu mengatakan apa yang benar kepada kita?

Beranikah kita mendengarkan dan melaksanakan kebenaran-kebenaran, iaitu ajaran Yesus yang disampaikan kepada kita.

Ajaran Yesus kerapkali berbeza, bahkan seringkali bertentangan dengan pandangan atau pendapat kita sendiri?

Kita seringkali takut nama atau kedudukan kita di depan umum akan jatuh, apabila kita melaksanakan apa yang diajarkan dan dilakukan Yesus.

Pengertian kita tentang Yesus sebagai raja, sering sama dengan pengertian Pilatus

tentang raja, yang mengaitkan pengertian tentang kerajaan atau kekaisaran Romawi, yang bertentangan dengan ajaran Yesus.

Injil Yohanes hari ini berpusat pada kerajaan Kristus, iaitu Kerajaan Tuhan. Dan di dalam kerajaan Tuhan yang didirikan Yesus Kristus itu, tidak ada jarak atau perpisahan di antara apa yang bersifat batiniah atau rohani; dan yang dunia atau jasmani.

Perbezaan ketara ialah kuasa atau dominasi dan pelayanan atau pengabdian. Kerajaan Yesus sangat berbeza daripada kerajaan atau kekaisaran yang dikenali oleh Pilatus, iaitu kerajaan Romawi yang ber corak penguasaan dan kekerasan. Sebaliknya kerajaan Yesus dibangun di atas kebenaran, kasih, keadilan dan perdamaian.

Yesus memang menyebut dan mewartakan kerajaan Tuhan sebagai suatu kenyataan yang baharu menjadi terwujud sepenuhnya di masa depan.

Namun kenyataan adanya kerajaan itu secara simbolik atau secara misteri sakramental sudah ada melalui kata-kata dan perbuatan, yang telah dimulakan oleh Yesus sendiri.

Kerajaan Tuhan yang didirikan Kristus sudah ada, namun dalam perjalanan ke arah

**HARI RAYA
BESAR
KRISTUS RAJA**

DANIEL 7:13-14

WAHYU 1:5-8

INJIL YOHANES 18:33B-37

perwujudannya yang utuh kelak.

Dalam kerajaan yang didirikan Yesus tidak dapat diharapkan adanya pangkat kedudukan atau jabatan, mahupun hak-hak khusus, apa lagi keinginan untuk menjadi pembesar atau pemegang kuasa.

Kenyataannya, Yesus sebagai raja adil tidak menghukum mati, tetapi malahan dihukum mati. Dalam Injil Yohanes diberitakan bahawa Yesus mati sebagai raja. Takhta-Nya adalah salib sebagai ungkapan autentik pelayanan-Nya sebagai raja. Berkat Kristus itulah penderitaan bukan lagi merupakan jalan menuju kematian, sebaliknya sebagai jalan menuju kemuliaan abadi.

Yesus secara resmi mengaku diri-Nya di hadapan Pilatus sebagai raja, namun bukan untuk menguasai suatu negara sebaliknya untuk membebaskan manusia dari kuasa dan perhambaan kuasa jahat. **Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm.**

Enam FSIC sambut jubli

Liza Magnus

LIMBAHAU, Papar, Sabah: Sejak ditubuhkan oleh Msgr August Wachter pada tahun 1936, umat Katolik di Sabah telah diberkati dan dipengaruhi dengan kehadiran kongregasi tempatan, *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC).

Kini anggota FSIC bukan sahaja melayani untuk Gereja tempatan tetapi juga di tiga keuskupan/agung di Semenanjung.

Baru-baru ini, pada November 9, 2024, hampir seribu umat datang untuk menghadiri perayaan 25 tahun dan perayaan 50 tahun, enam orang religius FSIC di Gereja Holy Rosary, Limbahau.

Sr Emily William Tangah, Sr Felicity Moduying dan Sr Leonie Jokinin menyambut perayaan ke-50 sebagai religius manakala Sr Julianah Bating, Sr Maria Thomas Pusing dan Sr Juliana Jalius ulang tahun religius mereka yang ke-25 tahun.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Uskup Agung John Wong dan Uskup Cornelius Piong dari Keningau, bersama para paderi dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu serta Keningau. Seorang paderi OFM dari Filipina dan Keuskupan Agung Kuching, turut hadir.

“Pada hari ini juga merupakan Pesta Pemberkatan Basilika St John Lateran yang dikenali sebagai “ibu dan ketua semua Gereja di Kota dan Dunia.” Perayaan ini bukan sekadar memperingati bangunan

basilika itu tetapi merayakan kehadiran Tuhan di tengah umat-Nya dan persatuan seluruh Gereja Katolik,” kata Uskup John Wong dalam homilinya.

Uskup Agung John menambah, “Pada hari ini juga, kita menyaksikan berkat Tuhan melalui perayaan 25 tahun dan 50 tahun enam orang religius FSIC. Mereka adalah saksi kehadiran Tuhan, yang mengingatkan kita akan belas kasihan dan cinta kasih Tuhan kita.”

Sr Julianah Bating, mewakili para jubilarian mengucapkan terima kasih kepada semua yang berjalan bersama mereka dalam iman. Katanya, ulang tahun perak dan emas pada hari tersebut bukanlah ntoktah atau memperlakukan rentak pelayanan mereka sebaliknya menjadi pendorong bagi mereka untuk meneruskan misi kongregasi FSIC, “Memperkenalkan Kristus kepada semua orang.”

Enam jubilarian berkarya di sekolah kerajaan, swasta

Keenam-enam jubilarian pernah dan bertugas sebagai pendidik. Para Sister FSIC memang terkenal sebagai pendidik di sekolah-sekolah kerajaan. Mereka bukan sahaja mendidik para murid berlainan bangsa dan agama, tetapi tentang moral dan gaya hidup sihat.

Hal ini disebut oleh Pemimpin Umum FSIC, Sr Francisca Wong dalam ucapannya. Secara kebetulan, anda berenam pernah atau masih bergelar pendidik! Kita meraih komitmen kekal anda, yang



Merayakan jubli emas. Dari kiri, Sr Felicity Moduying, Sr Leonie Jokinin dan Sr Emily William Tangah.

menjadi sukacita dan saksi atas panggilan Tuhan yang telah banyak menyentuh kehidupan ramai orang, seperti yang dinyatakan oleh slogan FSIC, “Memperkenalkan Kristus kepada semua orang.”

Tuhan, perisai dan kekuatan enam jubilarian

Dilahirkan di Limbahau Papar, Valilia William Tangah, anak perempuan William Tangah dan Julithah Bustan Khan, menyertai kongregasi FSIC pada tahun 1972, melafazkan kaul pertama pada tahun 1974. Beliau menasihati para wanita muda, “Jangan takut untuk menyahut panggilan Tuhan menjadi religius. Tuhan akan sentiasa menyertai kita hingga akhir hayat kita.”

Dilahirkan di Penampang, Johana Oswin Moduying, anak kepada Oswin Moduying dan Flora Sipulah, menyertai kongregasi

FSIC 1972, melafazkan kaul pertama 1974 dan dikenali sebagai Sr Mary Felicity of the Blessed Sacrament.

Mengimbas kembali selama 50 tahun yang lalu, Sr Felicity berkata, “Menyambut Jubli Emas adalah saat yang paling menggembirakan, tetapi apa maknanya “emas” itu? Ia merupakan batu yang dibentuk di dalam relau dan menjadi emas yang berharga di sisi Tuhan. Ini adalah renungan mendalam untuk saya.”

Helen S Jokinin, berasal dari Penampang, merupakan anak kepada pasangan Julse Jokinin dan Loura Lojinggu.

Menyertai kongregasi FSIC pada usia 19 tahun, melafazkan kaul pertamanya pada tahun 1974 dan mengambil nama religius, Sr Leonie.

Beliau menyambut ulang tahun perak sebagai religius pada Disember, 1999. Dalam renungannya, Sr Leonie berkongsi, “Apabila saya melihat ke belakang selama 50 tahun yang lalu, saya tidak dapat berhenti mengagumi kebaikan dan berkat Tuhan. Kasih sayang dan rahmat-Nya yang berterusan menyokong saya selama tahun-tahun dan membolehkan saya memelihara kehidupan religius saya.”

Berasal dari Kg Pamilaan, Tenom, Sr Julianah J Bating, anak kepada Jonas Bating Kilam dan Beatrice@ Saitim Ajiloh, menyertai FSIC pada tahun 1996, mengucapkan kaul pertamanya pada tahun 1999 dan kaul kekal pada tahun 2004. “Saya melihat cinta Tuhan

yang agung apabila saya melihat kembali perjalanan religius saya: saya mengalami cinta-Nya yang kukuh, tidak terbatas, tanpa syarat dan tidak terhingga.”

Anak ketujuh dari lapan orang beradik, Sr Maria Thomas Pusing, berasal dari Kg Kalanggan, Bosusung, Kuala Penyu. Anak kepada pasangan Thomas Pusing Engah dan Winnie Ninih Ajau, memasuki konven FSIC pada tahun 1996, mengucapkan kaul pertama pada tahun 1999 dan kaul kekal pada tahun 2000. “Seperti Bonda Maria dan wanita kudus dalam Alkitab, saya mahu terus mewartakan Yesus agar Dia dikenali oleh semua orang.”

Mengenali Yesus pada usia sembilan tahun dan dibaptis ketika berusia 20 tahun, Sr Juliana Julius dari Kg Purak, Papar, menyertai kongregasi FSIC pada tahun 1996. Anak kepada pasangan Jalius Nandu and Maria Santioi Lampayung itu melafazkan kaul pertama pada tahun 2000 dan kaul kekal pada tahun 2004.

“Selama 25 tahun sebagai religius, saya lebih suka melihat ke hadapan dalam hal melayani dan menjadikan Yesus sebagai pusat kepada panggilan saya. Kadang-kadang, ada orang yang bertanya kepada saya, “Tidak pernahkah anda berasa menyesal kerana menjadi religius yang berkaul kemiskinan” Saya menjawab, “Tidak kerana Dia tidak pernah meninggalkan saya. Kasih-Nya amat dalam sehingga sanggup menderita, wafat dan bangkit semula demi kita semua.”



Merayakan jubli perak. Dari kiri, Sr Julianah Bating, Sr Juliana Jalius dan Sr Maria Thomas Pusing.

Ziarah 190 penziarah Telupid ke Koridor Rosari Sandakan

TELUPID: 190 penziarah dari Paroki St Martin, Telupid telah mengadakan ziarah ke Koridor Rosari Maria dan Shrine Bonda Maria di paroki Katedral St Mary pada Oktober 26.

Di antara peserta ziarah itu, terdapat peserta paling muda iaitu empat tahun dan mereka yang tidak pernah mendaki Gunung Marian mahupun menjelaskan kaki ke Katedral St Mary. Malah, terdapat juga seorang peserta yang baharu menjalani pembedahan jantung, namun tetap bersemangat menyertai ziarah.

Kedatangan para penziarah ini disambut oleh para Sukarelawan Gunung Marian (MMV).

Oleh sebab bilangan penziarah



yang ramai, mereka dibahagikan kepada empat kumpulan. Sebelum pendakian, para penziarah diberi penerangan ringkas untuk keselamatan.

Aktiviti ziarah tersebut

merupakan sebahagian daripada rancangan aktiviti tahunan KKD bagi tahun 2024 di bawah pimpinan Encik Edwin Arbah yang mengatakan bahawa Uskup Julius Dusin Gitom, Uskup

Keuskupan Sandakan, yang sebelum ini telah mengumumkan bahawa Koridor Rosari Maria di Paroki Katedral St Mary, Sandakan adalah destinasi ziarah tempatan.

Sebelum ziarah, para penziarah terlebih dahulu mengadakan persiapan dalam bentuk Novena selama lima hari.

Para penziarah mengalami pengalaman hebat semasa mendaki ki Gunung Marian. Mereka berdoa rosari pada setiap stesen perhentian, menyalakan lilin, mempersembahkan bunga dan menyentuh shrine Maria di Marian Spring.

Para penziarah juga dapat melihat beberapa tapak bersejarah Perang Dunia Kedua, seperti kubu, terowong, dan lubang musang.

Selepas pendakian, mereka merayakan Misa di Katedral yang diraikan oleh Fr. Raymond Lee. Evelyn Jock

Sahabat Kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada hari Minggu ini (November 24) merupakan Hari Raya Besar Kristus Raja.


Perayaan Kristus Raja merandakan berakhirnya tahun liturgi B dan juga menandakan, kita akan memulakan musim Adven pada hari Minggu hadapan.

Adik-adik, Antie yakin adik-adik mengenal siapa raja di negara kita bukan?

Secara umum, seorang raja ialah pemimpin tertinggi negara dan dihormati oleh rakyat jelata.

Yesus juga seorang raja. Namun Dia bukan raja dari dunia ini. Yesus adalah raja syurgawi, raja untuk kaum miskin, raja untuk orang-orang yang mengasihi Dia, raja untuk orang-orang tertindas dan sebagainya.

Adik-adik, dalam pembacaan pertama, Nabi Daniel memberitahu kita bahawa dia melihat Tuhan



datang dengan awan-awan "dalam penglihatan malam" (Dan 7:13).

Hebatnya, Daniel dapat mengenal dan melihat Tuhan meskipun pada waktu malam yang gelita!

Adik-adik, semoga kita juga dapat meneladani nabi Daniel yang mengenal Tuhan meskipun "dalam keadaan gelap" kerana Dialah Terang Dunia.

Semoga Yesus sentiasa menjadi Cahaya dan Terang bagi adik-adik khususnya pada zaman moden ini!

Antie Melly

Kekuasaannya ialah kekuasaan yang kekal, yang tidak akan lenyap, dan kerajaannya ialah kerajaan yang tidak akan musnah.

(Daniel 7: 14)




Apakah perayaan yang kita rayakan pada hari Minggu ini (November 24)

Ikat garisan dan tuliskan huruf yang terdapat pada hujung garisan pada ruangan yang disediakan.

R K I T U S

A J R A

BANTU EMPAT ORANG KANAK-KANAK DI BAWAH UNTUK MENEMUI KRISTUS RAJA.



KERAJAAN-KU BUKAN DARI DUNIAINI (YOH 18: 36)

• CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI PADA GAMBAR DI BAWAH



BELIA

Rekoleksi bantu remaja fahami kerohanian pelayan altar

SRI AMAN: Para pelayan altar dari lima zon di bawah paroki Sri Aman telah menyertai rekoleksi di Gereja *Our Lady Queen of Peace*, baru-baru ini.

Program ini menghimpunkan para pelayan altar dari Chapel *Mount Hosanna*, Gereja *Holy Family* Betong, Gereja St Ignatius Saratok, Gereja St Michael Kaong Ulu dan Gereja St Anthony Skrang.


Lebih 30 pelayan altar menghadiri rekoleksi ini, termasuk 15 anggota dari Pelayanan Belia Gereja (CYM) (CYM) Betong, Saratok, dan Sri Aman.

Bro John Deho telah dijemput sebagai penceramah jemputan, dan menyampaikan sesi yang memberi inspirasi tentang kerohanian pelayan altar: kepentingan komitmen, erti kerenda-

han hati, dan pelayanan tanpa paksaan. Bro John mengatakan bahawa menjadi pelayan altar memberi banyak hal positif misalnya membangun karakter yang sihat, memupuk semangat persahabatan dan belajar bekerjasama dalam pasukan.

Rekoleksi diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Henry Jimbey, di mana lima peserta berpeluang melayani di altar, dibimbing oleh dua pelayan altar berpengalaman dari Gereja *Our Lady Queen of Peace*.

Dalam homilinya, Fr Henry menyatakan rasa terima kasihnya kepada para peserta dan menggalakkan mereka untuk terus memperdalam iman dan komitmen mereka. **sumber Today's Catholic**



LIHATLAH, TUHAN MENJADIKAN SEGALA SESUATU BAHARU

RAWANG: CHOICE Asia mengadakan Konferensi Asia CHOICE (CAC) ke-17 pada awal bulan lalu di Pusat Rekreasi dan Latihan MBS. Dengan tema, "Behold I Make All Things New", acara itu menghimpunkan 146 orang dewasa muda dari lapan negara — Malaysia, Singapura, Indonesia, Hong Kong, China, Taiwan, Sri Lanka, dan Fiji.

Konferensi itu dianjurkan oleh pasukan berdedikasi 43 orang dewasa muda, pasangan dan paderi dari Malaysia, dengan bimbingan Uskup Agung Julian Leow dan Uskup Agung Simon Poh.

Program dimulakan dengan Misa yang dipimpin oleh Direktor ASAYO, Fr Simon Lau, disertai oleh paderi tempatan dan paderi pelawat dari negara-negara yang mengambil bahagian.

Sesi-sesi menarik menampilkan Fr Francis Andrew, yang menyampaikan *Christus Vivit: Memilih Kehidupan dalam Kristus melalui CHOICE*, dan Sr Retta Savariannan FDCC,



yang menjelaskan Teologi Tubuh: Makna Kehidupan sebagai Anugerah.

Sesi-sesi itu telah memberi galakan kepada para peserta untuk lebih mengimani Kristus yang hidup dan menghargai diri mereka sendiri sebagai anugerah agung daripada Tuhan.

Pada Oktober 11, Uskup Agung Simon Poh bertolak dari Kuching, Sarawak, untuk bertemu peserta.

Uskup Agung Simon ialah uskup yang bertanggungjawab bagi Komisi Episkopal Belia yang mana CHOICE adalah sebahagian daripada naungannya. Prelatus

itu menyertai para peserta melawat Gereja Holy Rosary, Brickfields, Pasar Seni dan Petaling Street.

Dalam sesi perbincangan, para peserta berkongsi cabaran mereka dalam mempromosikan CHOICE di negara masing-masing, bertukar-tukar idea tentang cara inovatif untuk melibatkan golongan dewasa muda dalam program CHOICE.

Keesokan harinya, para peserta menyelidiki isu-isu khusus yang berlaku dalam negara mereka manakala yang lain menyertai *Make a Difference (MAD) Project*, yang diadakan di Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Cacat dan PERCH. Di sini, mereka berinteraksi dengan penghuni, membantu dengan aktiviti mewarna.

Mereka juga turut serta dalam aktiviti pembersihan dan berkebun untuk memupuk semangat belas kasihan dan pelayanan.

Program pada hari itu diakhiri dengan Misa yang dipimpin oleh Fr Martin Arlando dari Keuskupan Pulau Pinang, diikuti dengan upacara handover daripada pasukan CHOICE Asia (Taiwan) kepada Malaysia.

Majlis Makan Malam Gala Budaya, yang menampilkan persembahan budaya tempatan dan antarabangsa, merupakan acara akhir konferensi.

Persidangan CHOICE Asia berakhir pada Oktober 13 dengan perayaan Ekaristi yang diketuai oleh CHOICE Indonesia. Persidangan Asia CHOICE ke-18 akan dihoskan oleh Singapura pada 2027, menjanjikan inspirasi berterusan untuk orang dewasa bujang di seluruh Asia.



Berita ringkas dari Gereja sejagat

Sri Paus makan tengah hari bersama kaum miskin

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus makan tengah hari bersama 1,300 orang "yang memegang tempat istimewa di hati Tuhan" pada November 17, lalu di Vatikan.

Acara itu merupakan sebahagian daripada perayaan Hari Orang Miskin Sedunia yang kelapan. Makan tengah hari tahun ini, dianjurkan oleh Dikasteri untuk Pelayanan Amal Kasih dengan kerjasama Palang



Merah Itali, diadakan di Dewan Paul VI sebagai tanda keinginan Bapa Suci untuk dekat dengan "mereka yang paling memerlukan: miskin, terabai, menderita, dan dilupakan." **Media Vatikan**

Presiden diktator halang paderi beri sakramen

MANAGUA: Seorang peguam, Martha Patricia Molina, pengarang laporan, "Nicaragua: Gereja yang dianaya" menyatakan bahawa Presiden diktator Daniel Ortega dan isterinya, Naib Presiden Rosario Murillo, menghalang paderi daripada memasuki hospital di Nicaragua untuk memberikan sakramen pengurapan orang sakit kepada mereka yang memerlukannya.

"Ini menyebabkan paderi akan berpakaian seperti orang awam, agar dapat masuk ke hospital untuk memberikan pengurapan

orang sakit," jelasnya.

Baru-baru ini juga, perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Carlos Enrigue Herrera dari Keuskupan Jinotega telah diganggu dengan muzik kuat yang sengaja dipasang di hadapan katedral.

Oleh itu, sebelum memulakan Misa, Uskup mengajak hadirin memohon ampun kepada Tuhan atas kesalahan mereka dan bagi mereka yang tidak menghormati Misa. Ini merupakan satu penghinaan!"

Misa itu disiarkan secara langsung di Facebook keuskupan. **CNA**

Fr Roberto Pasolini, pengkhutbah baharu kepausan

VATIKAN: Pada November 9, Sri Paus Fransiskus telah melantik Fr Roberto Pasolini, OFM Cap, sebagai pengkhutbah baharu kepausan, menggantikan Kardinal Raniero Cantalamessa, 90, yang memegang jawatan itu selama 44 tahun dan melayani tiga orang Sri Paus sebelum ini (Yohanes Paulus II, Benediktus XVI



dan Fransiskus), Fr Roberto merupakan seorang profesor pentafsiran alkitabiah di Universiti Teologi Itali, Milan dan kini ditugaskan untuk memberikan renungan untuk Adven dan Pra-Paskah, menyambung tugas yang pernah dilakukan oleh Cantalamessa di Kuria Vatikan. **Media Vatikan**

Laporan penderaan seksual, Uskup Agung Anglican letak jawatan

CANTERBURY: Uskup Agung Anglican, Justin Welby meletak jawatan sebagai Uskup Agung Canterbury pada November 12, mengatakan peletakan jawatannya telah mendapat persetujuan daripada raja England dan mengakui beliau telah gagal memastikan siasatan yang sewajarnya terhadap dakwaan penderaan seksual yang dilakukan seorang sukarelawan, John Smyth, terhadap peserta kem musim panas Kristian, beberapa dekad yang lalu.

Revd Welby, yang juga ketua *Anglican Communion* sedunia menyatakan harapannya bahawa keputusan ini akan menjelaskan "betapa seriusnya Gereja England memahami

keperluan untuk perubahan dan komitmen mendalam kami untuk mewujudkan Gereja yang lebih selamat."

John Smyth, ialah seorang peguam terkenal yang mendera secara seksual remaja lelaki dan lelaki muda di kem musim panas Kristian di Britain, Zimbabwe dan Afrika Selatan selama lebih lima dekad. Dia meninggal dunia pada 2018.

Welby berjanji untuk meneruskan komitmennya untuk bertemu mangsa sehingga proses penilaian risiko yang diperlukan, selesai.

Beliau percaya keputusannya untuk berundur adalah demi kepentingan terbaik Gereja England. **CNA**

Perubahan iklim tambah kesengsaraan para pelarian

BAKU, Azerbaijan: Agensi kemanusiaan global mengeluarkan laporan sempena Persidangan Perubahan Iklim (COP29) memberi amaran bahawa pelarian yang melarikan diri daripada perperangan atau penganiayaan sering berakhir di negara yang paling teruk terjejas akibat perubahan iklim melampau.

Agensi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNHCR, mengeluarkan laporan terperinci

pada November 12, menyatakan perubahan iklim melampau menyebabkan pelarian yang sudah berada dalam bahaya, memasuki situasi yang lebih mengerikan.

Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian, Filippo Grandi mengatakan, "penyelesaian sudah ada tetapi tanpa sumber dan sokongan yang sewajarnya, situasi para pelarian yang terjejas akan semakin memburuk." **Media Vatikan**

Kardinal gesa Gereja Asia berdialog dengan Orang Asli

NEPAL: "Sebagai anggota Gereja Asia, anda berpeluang untuk memperdalam melibatkan diri dengan Orang Asli – yang merupakan pakar herba, bidan, dukun, tukang mantera, tabib dan penatua – untuk berdialog bersama," kata seorang pegawai Vatikan kepada para peserta Forum Asia mengenai "Meraikan Sinodaliti & Tradisi Hidup Orang Asli dalam Gereja Asia".

Kardinal Michael Czerny, Ketua Dikasteri bagi Mempromosi Pembangunan Bersepadu Manusia, menghantar pesan video kepada para peserta forum itu yang menekankan kepentingan mengiktiraf dan berdialog dengan Orang Asli.

"Mengiktiraf dan dialog adalah cara terbaik untuk mengubah hubungan yang sejarahnya diceklari dengan diskriminasi," kata Kardinal Czerny.

Bercakap kepada para peserta yang terdiri daripada para uskup, pemimpin Orang Asli, paderi, religius, ahli-ahli teologi dan orang awam, prelat itu menekankan kepentingan tradisi, kebijaksanaan, dan amalan rohani Orang Asli dapat menambah khazanah Gereja dan juga menyumbang kepada sinodaliti.

Ucapan Kardinal Czerny



Gambar ilustrasi: Kardinal Michael Czerny, menyeru Gereja Asia berdialog dan menghormati kerohanian Orang Asli bagi memupuk semangat Gereja sinodal.

merujuk kepada ajaran Sri Paus Fransiskus dan kenyataan Vatikan sebelum ini yang menyeru agar Gereja menghormati dan mengiktiraf hak dan kerohanian Orang Asal.

Beliau menggesa peserta untuk memupuk pendekatan kolaboratif yang berakar umbi daripada semangat saling menghormati, menyokong Gereja yang "mengikarnasikan" dirinya dalam pelbagai budaya dan tradisi Asia.

Pada Mac 2024, Sri Paus Fransiskus menggalakkan umat beriman untuk "mendengar Orang Asli dan belajar daripada cara hidup mereka.

"Sumbangan Orang Asli juga penting dalam memerangi perubahan iklim. Saya menyeru kerajaan mengiktiraf Orang Asli di seluruh dunia, budaya mereka, tradisi dan kerohanian mereka, serta menghormati maruah dan hak mereka," tegas Sri Paus Fransiskus. **LiCAS News**

Wanita Katolik menang \$12.7 juta ke atas syarikat nafi hak agama

WASHINGTON, DC: Juri menganugerahkan seorang wanita Katolik Michigan \$12.7 juta dalam tuntutan diskriminasi agama, selepas bekas majikannya — *Blue Cross Blue Shield of Michigan* (BCBSM) — enggan memberikan wanita itu pengecualian agama daripada mandat vaksin COVID-19 syarikat dan memecatnya.

Wanita itu, Lisa Domski, mengemukakan permintaan pengecualian agama kepada syarikat itu kerana tiga vaksin COVID-19 yang diluluskan pada masa itu, diuji dengan menggunakan sel janin yang digugurkan.

Dalam dokumen mahkamah, Lisa mengatakan bahawa mengambil vaksin itu "akan menjadi dosa besar dan menjauhkan hubungan saya dengan Tuhan."

BCBSM memutuskan bahawa jawatannya tidak memenuhi kriteria untuk pengecualian agama.

Lisa Domski, yang bekerja sebagai pakar teknologi dipecat pada Januari 5, 2022, selepas bekerja untuk BCBSM selama hampir 15 tahun.

Katekismus Gereja Katolik (KGK) menyatakan bahawa pengguguran "sangat bertentangan dengan undang-undang moral" dan "kehidupan mesti dilindungi dengan berhati-hati sejak saat pembuahan."

KGK memanggil setiap pengguguran sebagai "kejahatan moral" dan merujuk kepada pengguguran dan pembunuhan bayi sebagai "jenayah yang keji."

Kongregasi Vatikan untuk Doktrin Iman mengatakan pada Disember 2020 bahawa pengikut Katolik dibenarkan secara moral untuk menerima vaksin walau pun ia dicipta menggunakan sel daripada tisu yang diperoleh melalui dua pengguguran.

Kenyataan itu menambah bahawa mendapatkan vaksin "tidak membentuk kerjasama rasmi dengan pengguguran" serta menekankan ini bukan kenyataan "pengendorsan moral penggunaan sel yang berasal daripada janin yang digugurkan."

Meskipun Vatikan meluluskan penggunaan vaksin itu, namun ia mengisyiharkan bahawa vaksinasi "mestilah secara sukarela"

dan sesiapa yang enggan menerima vaksin yang dihasilkan melalui sel daripada janin yang digugurkan atas sebab hati nurani "harus melakukan yang terbaik untuk mengelakkan menjadi agen penularan penyakit berjangkit."

Peguam Lisa, memberitahu CNA bahawa anak guamnya adalah "seorang Katolik yang taat dan percaya pengguguran adalah dosa terhadap Tuhan."

Juri mendapati bahawa BCBSM terlibat dalam diskriminasi agama yang menyalahi undang-undang terhadap Lisa Domski.

Juri juga mendapati syarikat yang memecat Lisa Domski, telah melanggar undang-undang federal dan negeri yang melarang diskriminasi agama.

Lisa Domski telah dianugerahkan hampir \$1.7 juta sebagai ganti rugi gaji dan \$1 juta lagi dalam ganti rugi bukan ekonomi.

Dia juga menerima ganti rugi punitif \$10 juta, yang hanya diberikan dalam kes sivil apabila juri menentukan bahawa defendant bertindak dengan cara yang berniat jahat atau melulu. **CNA**

AUDIENSI UMUM MINGGUAN SRI PAUS FRANSISKUS

VATIKAN: "Bonda yang Terberkati menunjukkan kita kepada Yesus. Dia sentiasa membuka pintu untuk kita! Santa Perawan Maria ialah ibu yang memegang tangan kita ke arah Yesus," Sri Paus Fransiskus menyampaikan kata-kata yang menghiburkan ini kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus semasa Audiensi Umum mingguannya pada pagi Rabu.

Prelatus itu meneruskan siri katekesisnya tentang Roh Kudus dalam kehidupan Gereja, dan menyelitkan tentang Bonda Maria.

Sebelum ini, dalam siri katekesisnya, Bapa Suci mengajar tentang peranan Roh Kudus dalam sakramen dan doa Kristian.

Dalam ucapannya, Bapa Suci menyeru umat beriman untuk berpaling kepada Maria, mempercayakan diri mereka kepadanya, dan meniru kata 'ya' Maria kepada Tuhan.

Murid pertama

Maria, sebagai murid dan tokoh Gereja yang pertama, merupakan "surat cinta" hidup yang ditulis oleh Roh Kudus.

Oleh sebab itu, Sangt Papa mencadangkan, agar Bonda Maria diperkenalkan dan "dibaca" sebagai "surat cinta" Tuhan kepada umat-Nya.

Katanya, Bonda Tuhan adalah alat Roh Kudus dalam karya pengudusan-Nya.

"Ketika Maria mengatakan 'ya' kepada Tuhan, seolah-olah Maria berkata kepada Tuhan: 'Inilah aku. Aku adalah seorang papan tulis: biarlah Sang Penulis menulis apa sahaja yang Dia kehendaki, biarlah Tuhan segala sesuatu melakukan kepadaku apa yang Dia kehendaki'."

Sri Paus Fransiskus menekankan, "Di tengah-tengah kebanjiran perkataan yang tidak berkesudahan dan banyaknya perkataan yang ditulis tentang Tuhan, Bonda

Dua perkataan unggul Maria ...



Dalam kebanjiran perkataan di dunia, Maria hanya mengucapkan dua perkataan kepada Tuhan, "Inilah aku" dan "terjadilah padaku menurut kehendak-Mu".

Maria hanya mengucapkan dua perkataan yang semua orang boleh ucapkan pada bila-bila masa: "Inilah aku" dan "terjadilah padaku menurut kehendak-Mu".

"Boleh dikatakan bahawa Maria menawarkan dirinya kepada Tuhan sebagai seorang mukasurat kosong di mana Tuhan dapat menulis apa sahaja yang Dia kehendaki."

Sri Paus Fransiskus kemudiannya memetik kata-kata daripada seorang pentafsir kitab suci yang terkenal, bahawa "Maria mewakili puncak setiap sikap keagamaan di hadapan Tuhan, kerana dia menyatakan, dengan cara yang paling

unggul, keadaan pasif yang bergabung dengan kesiapsiagaan aktif, kekosongan yang diisi dengan kepenuhan berkat Tuhan."

Melalui teladan dan perantaraan Perawan Terberkati, dia menggalakkan kita untuk mengatakan 'ya' kepada Tuhan setiap kali kita menerima panggilan untuk taat kepada-Nya.

Sri Paus Fransiskus mengakhiri audiensi dengan mengatakan, "marilah kita belajar dari teladan Bonda yang Terberkati dalam menerima inspirasi Roh Kudus." CNA

Kekalkan iman meskipun selalu tergesa-gesa

Kesibukan dalam pekerjaan dan menguruskan keluarga, menjadikan kehidupan rohani kita kering. Namun sebenarnya, keindahan iman terletak pada keupayaan kita untuk mengekalkannya meskipun di tengah kekacauan hidup.

Tidak semestinya dalam keadaan tenang, iman boleh menjadi kuat. Iman itu spontan dan bertumbuh dalam momen seharian.

Mengekalkan iman bukanlah tentang berasa bersalah kerana kurang berdoa. Iman tetap dapat bertumbuh meskipun kita sibuk dan ia boleh berlaku dalam detik-detik mudah yang berlaku sepanjang hari anda.

Jika anda seorang yang selalu tergesa-gesa, pertimbangkan beberapa cara ini untuk memupuk iman kita:

OBersenandung lagu-lagu rohani

Lagu-lagu rohani mempunyai cara unik untuk membawa kedamaian. Cuba mulakan *humming* (bersenandung) atau menyanyikan satu lagu rohani yang anda suka, setiap hari, mungkin semasa bersiap sedia pada waktu pagi atau ketika memandu pulang dari kerja.

ODengarkan podcast Kristian

Dalam era digital kita, khasiat rohani berada di hujung jari kita. *podcast* Kristian menyediakan cara terbaik bagi anda untuk mendalami iman anda.



Mesej dan perbualan dalam *podcast* menawarkan peluang untuk memperdalam iman anda semasa detik-detik yang mungkin terasa kosong secara rohani.

OHadkan Media Sosial

Mari kita akui — sepanjang masa yang kita sia-siakan dengan menyelak media sosial yang mungkin menyebabkan kita berasa lebih bersendirian. Apabila kita berusaha mengurangkan masa "melihat skrin" kita membuka ruang untuk sesuatu yang lebih penting: hubungan sebenar dengan Tuhan dan orang lain.

Pertimbangkan untuk menetapkan waktu khusus penggunaan media sosial anda — misalnya tidak menatap telefon semasa makan atau sejam semasa pagi. Anda pasti berasa kagum, masa tanpa telefon itu boleh mengisi "kantung" rohani anda.

OMulakan dan Akhiri Hari Anda dengan Doa

Memulakan dan mengakhiri hari anda dalam perbualan dengan Tuhan mencipta penamat rohani yang kuat untuk kehidupan harian anda. Tidak kira apa yang berlaku pada masa siang tadi, ia menetapkan praktik rohani yang baik untuk diri anda.

OBaca dan renung sekurang-kurangnya satu petikan Alkitab sehari

Membaca hanya satu petikan dari

Kitab Suci dan membawanya sepanjang hari adalah lebih transformatif daripada tergesa-gesa membaca satu bab tanpa penghayatan. Biarkan petikan atau ayat Alkitab yang anda baca itu menjadi kompas anda untuk hari itu.

OMenderma

Setiap perbuatan memberi menjadi pernyataan iman bahawa Tuhan akan terus menyediakan keperluan kita. Mulakan di mana anda berada, dengan apa yang anda ada.

Mungkin memperuntukkan sejumlah kecil setiap bulan untuk dikongsi dengan mereka yang memerlukan. Jumlahnya kurang penting kerana yang utama, ia daripada niat hati yang tulus dan memupuk amalan menderma. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Iman ibu Katolik

Mungkin kerana selalu tergesa-gesa atau terlepas pandang akan pergelutan ibu-ibu Katolik dalam mempertahankan iman anak-anak dan keluarga mereka.

Dalam ruangan kali ini, saya ingin menyapa para wanita Katolik, ingin menawarkan mereka doa dan penghargaan. Tidak perlu menunggu Hari Ibu atau Hari Wanita. Sementara idea ini datang dan kesihatan masih mengizinkan, izinkan saya untuk menghargai peranan wanita Katolik dalam Gereja kita.

Bukannya peranan apa tidak penting. Tetapi realiti menunjukkan kepada kita — siapa yang selalu menenangkan anak ketika anak kecil mengamuk di Gereja, sehingga terpaksa keluar dari bangunan Gereja semasa Misa sedang berjalan?

Siapa yang selalu mengalah tinggal di hospital demi menjaga anak sakit? Siapa yang selalu makan sisa makanan keluarga kerana tidak mahu membazir makanan? Siapa yang selalu memikirkan menderma untuk Gereja dalam pergelutan menyeimbangkan perbelanjaan keluarga.

Mari kita ambil masa sebentar untuk mendoakan para wanita dan ibu Katolik ini. Lebih-lebih lagi mereka yang berusaha menjadi "Orang Samaria yang baik hati".

Semoga semangat mereka, yang bergelut dengan kesibukan dan menguruskan keluarga, disedari oleh suami, anak-anak dan komuniti.

Saya sering kagum dengan pelayanan ibu-ibu Katolik dalam Kerasulan Wanita dan *Legion of Mary*. Di paroki saya sendiri, apa pun perayaan yang melibatkan belia, kanak-kanak, umat awam - peranan mereka dalam melicinkan program sangat penting.

Mereka hadir dalam perayaan itu, mereka sibuk di dapur, risau itu dan ini, namun kehadiran mereka kurang dirasai. Mereka tidak meminta penghargaan, mereka tetap berada di mananya sahaja yang memerlukan bantuan.

Sebagai wanita dan ibu, kita boleh menjadi terbiasa menjaga orang lain sehingga mudah mengabaikan keperluan kita sendiri. Lama kelamaan, ini boleh mengelirukan atau memaksa kita, "Saya perlu melakukannya, jika tidak..."

Namun Tuhan telah berjanji sebaliknya. Rancangan-Nya adalah untuk kesejahteraan kita, dan Dia juga telah menempatkan orang dalam kehidupan kita yang bersedia menghulurkan bantuan untuk memenuhi keperluan kita.

Ada rahmatnya apabila kita membenarkan orang lain menjaga dan melakukan kebaikan untuk kita.

Saya ingin menyapa ibu-ibu yang sedang dalam keadaan tertekan, yang menangis setiap malam tanpa disedari oleh anak-anak maupun suami.

Para ibu yang menderita di negara-negara yang sedang berperang, yang sedang sakit, yang sanggup berlapar demi anak-anaknya, ibu-ibu yang menangis kerana anak-anaknya membesar di kem pelarian yang serba kekurangan mendapat penghiburan daripada kata-kata Sto Paulus kepada jemaat di Roma, "penderitaan zaman sekarang ini tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita ..."

MARI dan jadilah

komititi pemberita HERALD.

Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau WhatsApp: 011-26391498

Nelbart Peter, calon paderi Keuskupan Keningau untuk 2025



KENINGAU: Tuai banyak tetapi pekerja sedikit yang dipetik dari Lukas 10:2 merupakan tema pentahbisan menjadi diakon oleh seminarian Nelbart Peter pada November 10, yang lalu.

Misa pentahbisan diakon diadakan di Dataran Keuskupan Keningau dan dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Selepas pewartaan Injil, Uskup Cornelius memulakan ritus pentahbisan diakon. Msgr Gilbert Lasius mengesahkan kehadiran dan kesediaan calon diakon serta menyatakan calon diakon layak untuk ditahbis kepada Bapa Uskup.

Bapa Uskup kemudiannya menyampaikan amanat tugas calon diakon, menumpangkan tangananya di atas kepala calon diakon dan mengucapkan doa tahbisan.

Diakon baharu, Nelbart Peter kemudiannya memakai jubah dengan dibantu oleh Fr Patrick Heng, rektor Kolej Seminari Sto Petrus.

Dalam ucapannya, Diakon Nelbart berkongsi bahawa beliau tersentuh dengan kata-kata Uskup Cornelius semasa beliau melawat kampungnya pada tahun 2013.

"Bapa Uskup mengatakan, 'kalau kamu tidak mahu menjadi paderi, jadi siapa yang akan mengantikanku? Kami akan menjadi tua ...'"



Kata-kata Bapa Uskup itu menjadi kekuatan bagi Diakon Nelbart untuk menyahut panggilannya menjadi paderi.

Diakon Nelbart juga berpesan, "Tegurlah saya jika saya melakukan kesilapan."

Uskup Cornelius dalam ucapannya mengatakan beliau mengagumi karya Tuhan yang terjadi di Kg Simbuon, Sook, kampung kelayaran Diakon Nelbart.

Katanya, "46 tahun yang lalu, saya melawat kampung itu dengan berjalan kaki. Hutannya masih tebal dan masih tidak mempunyai Gereja, Syukur. Karya Tuhan berkembang dan hasil iman itu ialah Diakon Nelbart Peter. Mari mendoakannya agar beliau selamat menjalani persiapannya untuk menjadi paderi."

Uskup Cornelius mengumumkan bahawa Diakon Nelbart akan membantunya dan para paderi di Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Gereja di Permatang Tinggi, didedikasi untuk kemuliaan Tuhan

PULAU PINANG: Gereja *Holy Name of Mary*, Permatang Tinggi di Keuskupan Pulau Pinang, merayakan sebuah peristiwa penting iaitu upacara dedikasi bangunan Gereja baharunya pada Oktober 31. Upacara itu dihadiri lebih 2,000 umat.

Acara dimulakan pada jam 9.30 pagi dengan upacara memotong rebah oleh wakil politik dan awam, bersama para klerus. Kardinal Sebastian Francis, Uskup Pulau Pinang, membuka tirai plak peringatan, menandakan pembukaan rasmi Gereja baharunya. Ini diikuti dengan perarakan ke altar, diketuai oleh Kardinal Sebastian, paderi paroki Fr Louis Loi, dan para paderi dari pelbagai paroki diikuti umat.

Gereja asal, yang dibina pada tahun 1928, telah lama berkhidmat sebagai tempat beribadat umat beriman. Namun, dengan populasi paroki yang semakin meningkat, keperluan untuk tempat ibadat yang lebih besar adalah mendesak.

Rancangan untuk Gereja baharu itu telah dimulakan oleh mantan paderi paroki, Fr Augustine Wong, dengan tujuan menyediakan ruang yang lebih luas dan kudus.

Reka bentuk Gereja baharu diinspirasikan daripada "Khemah" yang dibina oleh Musa untuk Tuhan



dalam Perjanjian Lama. Khemah suci di mana Tabut Perjanjian diletakkan, menghadirkan suasana kekudusan dan penghormatan.

Dalam homilinya, Kardinal Sebastian menggalakkan umat beriman untuk menguatkan akar iman dalam kasih Tuhan, menyokong satu sama lain dan berjalan bersama sebagai komuniti beriman.

Prelatus itu juga mengumumkan bahawa Gereja *Holy Name of Mary* telah dipilih sebagai Gereja Ziarah untuk Keuskupan Pulau Pinang pada Tahun Jubli Harapan, 2025.

Ritus dedikasi termasuk pemberkatan altar baharu dan konsekrasi Gereja, menandakan permulaan lembaran baharu untuk paroki. Dengan tema "Lebarkan Ruang Khemah Anda", komuniti

Katolik digalakkan untuk membuka hati mereka kepada kasih Tuhan, menghulurkan belas kasihan dan harapan kepada orang lain. Selepas perayaan Ekaristi, acara diteruskan dengan makan tengah hari.

Fr Louis mengungkapkan terima kasih yang tak terhingga kepada semua yang menyumbang kepada pembinaan Gereja baharu.

Beliau menyifatkan tempat suci yang megah itu sebagai kemuncak usaha gigih dan iman yang teguh daripada seluruh komuniti.

"Kami amat berterima kasih kepada semua orang yang berdedikasi dan kerja keras kalian telah menjadikan impian yang telah lama diimpikan, menjadi kenyataan," katanya.



Gereja Risen Christ anjur pameran, penghormatan relik orang kudus

PULAU PINANG: Bagi umat Gereja Katolik Risen Christ, Pameran dan Penghormatan terhadap relik orang kudus menjadikan Hari Para Kudus begitu bermakna.

Pameran dan penghormatan itu diadakan pada November 2-3, di Dewan Fr Peter Shyu.

Acara itu dianjurkan oleh Pasukan Relik Komisi Kateketikal Keuskupan Pulau Pinang (PDCC), diketuai oleh Johnson Louisnaden, atas jemputan paderi paroki, Friar Esmond Chua, OFM.

Gereja Katolik Risen Christ menjadi paroki ke-26 di negara ini yang menjadi tuan rumah acara



eksposisi dan penghormatan relik.

Ia memberi peluang kepada umat untuk memperdalam hubungan rohani mereka dengan orang-orang kudus.

Sebanyak 82 peninggalan dari

diberkati telah dipamerkan, mewakili tiga kelas relik.

Relik Kelas Pertama termasuk jenazah orang suci, seperti sekeping tulang, daging, rambut atau tengkorak.

Relik Kelas Kedua ialah barang

yang dimiliki atau digunakan oleh orang suci, seperti buku, salib, rosari atau serpihan keranda.

Relik Kelas Tiga ialah objek yang bersentuhan dengan peninggalan Kelas Pertama atau Kedua atau kepada orang suci itu sendiri.

Semua relik ini dipamerkan dalam *reliquary* atau bingkai yang direka khas.

Pameran dan penghormatan itu menarik bukan sahaja umat paroki Risen Christ tetapi juga umat dari paroki terdekat.

Chan Lilian dari Katedral Roh Kudus, berkongsi pengalamannya bahawa, "Saya gembira kerana

dapat melihat dan memberi penghormatan kepada ramai orang kudus, orang yang diberkati, dan orang-orang kudus yang tidak saya kenali.

Saya tertarik dengan poster venerable Francis Xavier Nguyen Van Thuan dari Vietnam, kerana dia bakal santo zaman moden ini.

Selalunya, orang kudus kelihatan seperti tokoh yang jauh dari masa lalu. Sebagai seorang yang terlibat dalam pelayanan penjara, saya kini lebih bertekad untuk berkongsi kasih Kristus dengan mereka yang berada dalam tahanan."